

**PERATURAN AM
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025**

1.0 NAMA

1.1 Kejohanan ini dinamakan **“SUKAN SABAH (SAGA) KE-11(XI), TAWAU 2025”**.

2.0 PENGELOLAAN

2.1 Kejohanan Sukan Sabah (SAGA) ini dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah.

2.2 Bagi maksud pengelolaan, Kerajaan Negeri Sabah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Induk yang bertanggungjawab berkenaan dengan perkara-perkara dasar, sebuah Jawatankuasa Pelaksana yang membuat perancangan dan mengelolakan semua program dan aktiviti **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** dan seterusnya Jawatankuasa - jawatankuasa Kecil dengan tugas-tugas khas yang bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana.

3.0 JENIS SUKAN

3.1 Syarat kelayakan umur peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut :

Bil	Jenis Sukan	Kelayakan	Tarikh Kelahiran	Taraf
1	Angkat Berat (L/W)	13 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2012	Wajib
2	Badminton (L/W)	12 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2013	Wajib
3	Bola Sepak (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
4	Boling Padang (L/W)	12 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2013	Wajib
5	Berbasikal (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
6	Hoki (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
7	Karate (L/W)	15 - 20 tahun 17 - 20 tahun	Kata - 2005 hingga 2010 Kumite - 2005 hingga 2008	Wajib
8	Memanah (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
9	Olahraga (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
10	Pencak Silat (L/W)	16 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2009	Wajib
11	Sepak Takraw (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
12	Bola Jaring (W)	14 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2011	Wajib
13	Bola Keranjang (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
14	Bola Tampar (L/W)	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
15	Golf (L/W)	12 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2013	Wajib
16	Ping Pong (L/W)	14 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2011	Wajib
17	Taekwondo	15 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2010	Wajib
18	Ragbi (L/W)	16 - 20 tahun 14 - 20 tahun	L - Antara tahun 2005 hingga 2009 W - Antara tahun 2005 hingga 2011	Wajib
19	Tenis (L/W)	13 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2012	Wajib
20	Wushu (L/W)	12 - 20 tahun 16 - 20 tahun	Taolu - 2005 hingga 2013 Sanda - 2005 hingga 2009	Wajib
21	Kriket (L/W)	14 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2011	Pilihan
22	Tinju (L)	17 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2008	Pilihan
23	E-Sports (L/W)	12 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2013	Pilihan
24	Muay Thai (L/W)	14 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2011	Pilihan
25	Petanque (L/W)	12 - 20 tahun	Antara tahun 2005 hingga 2013	Pilihan

4.0 SYARAT PENYERTAAN

- 4.1 Sekiranya salah seorang atau kedua-dua ibu dan bapa **bukan warga Sabah** tetapi atlet lahir di Sabah perlu mengemukakan:
 - 4.1.1 Sijil kelahiran atau,
 - 4.1.2 Dokumen pengesahan mewakili **Negeri Sabah** (dari Persatuan Sukan Negeri Sabah **atau** Jabatan Pendidikan Negeri Sabah sahaja) di kejohanan kebangsaan, SUKMA, MSSM, Program Pelapis Bakat Kebangsaan.
- 4.2 **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** ini terbuka kepada pasukan dari setiap Daerah Penuh di Negeri Sabah atau kontinjen jemputan yang dipersetujui oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah selaku penganjur.
- 4.3 Syarat umur peserta adalah seperti dalam para 3.1.
- 4.4 Tiap-tiap jenis sukan yang ditetapkan hanya akan dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya **sepuluh (10) daerah/kontinjen**. Manakala, bagi acara dalam satu jenis sukan pula hanya akan dipertandingkan sekiranya disertai oleh sekurang-kurangnya **lapan (8) penyertaan**.
- 4.5 Tiap-tiap daerah atau kontinjen dikehendaki mengemukakan penyertaan Jenis Sukan sebelum **09 Mac 2025** dan Acara Sukan sebelum **24 Mac 2025** kepada pihak Urusetia Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan melalui **Sistem Pendaftaran i-SAGA (i-saga.digitalsabah.gov.my)**.
- 4.6 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan memaklumkan kepada semua daerah/kontinjen, jumlah bilangan pasukan, jenis sukan dan Acara Sukan yang akan dipertandingkan setelah menyemak senarai pendaftaran selewat-lewatnya **31 Mac 2025**.
- 4.7 Penyertaan yang lengkap dengan nama peserta dan lain-lain maklumat yang diperlukan hendaklah dikemukakan oleh daerah/kontinjen kepada pihak Urus Setia **Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 melalui Sistem Pendaftaran i-SAGA (i-saga.digitalsabah.gov.my)**. **Penghantaran pendaftaraan bagi Sukan Berpasukan Pusingan Kelayakan** selewat-lewatnya **18 Mei 2025** dan **Pendaftaran Kontinjen Sukan Sabah** selewat-lewatnya **9 September 2025**. Pertukaran peserta hanya boleh dilakukan semasa Mesyuarat Pengesahan dan Pertindihan Atlet pada **15 Julai 2025** hanya untuk yang mempunyai pertindihan atlet sukan.
- 4.8 Pendaftaran Kontinjen/Daerah dan sukan adalah seperti perkara berikut:
 - 4.8.1 Atlet yang tidak didaftarkan oleh Kontinjen/Daerah asal, boleh didaftarkan di Kontinjen/Daerah lain.
 - 4.8.2 Atlet hanya dibenarkan menyertai satu (1) jenis sukan sahaja yang dipertandingkan di Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau, 2025.
- 4.9 Atlet Negeri/Kebangsaan yang telah layak atau pernah bertanding di **Sukan Olimpik** adalah **tidak dibenarkan** mengambil bahagian dalam **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 4.9.1 Bagi atlet-atlet yang pernah mewakili Negara ke Temasya Sukan Komanwel, Sukan Asia, Sukan SEA, mana-mana Sukan Universiti (MASUM, SUKIPT dan lain- lain), Kejohanan terbuka peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa, Kejohanan Sukan Sekolah Asia serta kejohanan yang diiktiraf mengikut sukan masing-masing serta Pemenang pingat bagi Sukan Malaysia (SUKMA) adalah **dibenarkan mengambil bahagian dalam Sukan Sabah** dengan syarat-syarat seperti berikut :

- 4.9.1.1 Sukan berpasukan;
Bagi acara berpasukan, sesebuah pasukan **tidak boleh** mendaftarkan lebih daripada **tiga (3) orang pemain kebangsaan**. Bagi **acara berpasukan** yang dimainkan dengan **permulaan enam (6) pemain dan lebih**, maka **ketiga-tiga pemain tersebut dibenarkan bermain** manakala acara berpasukan yang dimainkan dengan **permulaan lima (5) pemain dan kurang**, maka **hanya satu (1) pemain kebangsaan dibenarkan** bermain dalam satu masa.
- 4.9.1.2 Sukan Individu;
Seorang atlet dibenarkan untuk menyertai lebih daripada satu (1) acara perseorangan dan dua (2) acara berpasukan/relay.
- 4.9.1.3 Sukan yang mempunyai acara Perseorangan, Bergu, Bergu Campuran dan Berpasukan;
Seorang pemain hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam dua (2) acara sahaja iaitu seperti **Badminton, Tenis dan Ping Pong**. Seorang pemain masih dianggap mengambil bahagian dalam satu (1) acara jika menyertai acara berpasukan walaupun bermain dalam perseorangan dan beregu.
- 4.10 Bagi atlet yang berada di Sekolah Sukan Malaysia dan Sekolah Sukan Negeri seluruh Negara, adalah dikehendaki mewakili daerah masing-masing, kecuali mendapat pelepasan daripada daerah berkenaan.
- 4.11 Sekiranya suatu daerah ingin menggunakan khidmat atlet daerah lain perlulah mendapat surat kebenaran daripada daerah berkenaan.
- 4.12 Atlet Sukan Sabah yang **TERPILIH** mewakili Negeri Sabah, **WAJIB** mewakili Negeri Sabah ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA).
- 4.13 Atlet yang tidak terpilih mewakili Negeri Sabah perlu mendapatkan surat pelepasan dari **MAJLIS SUKAN NEGERI SABAH** sekiranya ingin mewakili Negeri lain.

5.0 BILANGAN PEGAWAI/PESERTA

5.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis sukan ialah seperti berikut :

Bil	Sukan	Pengurus Pasukan	Jurulatih	Atlet		Jumlah
				Lelaki	Wanita	
1	Angkat Berat (L/W)	1	3	8	8	20
2	Badminton (L/W)	1	2	8	8	19
3	Berbasikal (L/W)	1	3	12	12	28
4	Bola Jaring (W)	1	2	-	12	15
5	Bola Keranjang (L/W)	2	4	12	12	30
6 (i)	Bola Sepak (L/W)	2	6	23	23	54
6(ii)	Futsal (L/W)	2	6	16	16	40
7 (i)	Bola Tampar Dewan (L/W)	2	4	12	12	30
7 (ii)	Bola Tampar Pantai (L/W)	2	2	2	2	8
8	Boling Padang (L/W)	1	2	6	6	15
9	E-Sports (L/W)	2	6	8	8	24
10	Golf (L/W)	1	2	4	3	10
11	Hoki (L/W)	2	4	18	18	42
12	Karate (L/W)	1	2	10	10	23
13	Kriket (L/W)	2	4	14	14	34
14	Memamah (L/W)	1	4	8	8	21
15	Muay Thai (L/W)	1	2	12	9	24
16	Olahraga (L/W)	1	6	40	40	87
17	Pencak Silat (L/W)	1	3	19	13	36
18	Petanque (L/W)	1	2	7	7	17
19	Ping Pong (L/W)	1	2	5	5	13
20	Ragbi (L/W)	2	4	13	13	32
21	Sepak Takraw (L/W)	2	6	14	14	36
22	Taekwondo	1	3	15	15	32
23	Tenis (L/W)	1	2	5	5	13
24	Tinju (L/W)	1	4	12	3	20
25	Wushu (L/W)	2	4	11	9	26
	Ketua Kontinjen	-	-	-	-	1
	Urusetia	-	-	-	-	5
	Jumlah Keseluruhan	38	92	315	306	757

- 5.2 Bagi jenis sukan yang mempunyai acara lelaki dan wanita dan dimana daerah/kontinjen tidak menamakan jurulatih atau pengurus pasukan wanita, kontinjen berkenaan bolehlah mendaftarkan **seorang (1) Chaperon**. Walau bagaimanapun segala perbelanjaan makan dan penginapan Chaperon berkenaan hendaklah ditanggung oleh daerah/kontinjen masing-masing.
- 5.3 Sekiranya pertandingan untuk satu jenis sukan diadakan di tempat yang berasingan, pasukan dibenarkan untuk membawa seorang jurulatih tambahan dan kedudukannya adalah setaraf dengan anggota kontinjen yang lain.

6.0 PENDAFTARAN

- 6.1 Tiap-tiap daerah/kontinjen bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah mendaftarkan nama pegawai dan peserta masing-masing kepada Urus Setia Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan melalui Pejabat Daerah masing-masing.

7.0 KAWALAN PERUBATAN

- 7.1 Semua peserta dalam sesuatu jenis sukan sekiranya diwajibkan oleh Persatuan Sukan Negeri Sabah, adalah dikehendaki menjalani ujian perubatan. Para peserta hendaklah mengemukakan Sijil atau Surat Pengakuan Doktor kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Pemeriksaan hendaklah dibuat di tempat masing-masing atas **perbelanjaan sendiri** sebelum datang ke pertandingan. Sukan-sukan tersebut adalah Karate, Muay, Pencak Silat dan Tinju.

8.0 KAWALAN KEWANITAAN

- 8.1 Semua peserta wanita jika dikehendaki oleh Persatuan Sukan Negeri Sabah, maka hendaklah mengesahkan kewanitaannya mereka melalui Doktor Perubatan masing-masing di dalam Borang Penyertaan mereka.

9.0 PERATURAN TEKNIK/CORAK PERTANDINGAN

- 9.1 Sukan-sukan berpasukan (Bola Keranjang, Bola Jaring, Bola Sepak, Bola Tampar, Hoki, dan Sepak Takraw) akan diadakan Pusingan Kelayakan di peringkat zon, iaitu Zon Pantai Barat Selatan, Zon Pantai Barat Utara, Zon Tawau, Zon Sandakan, Zon Pedalaman Atas dan Zon Pedalaman Bawah. Johan Setiap Zon dan Naib Johan Zon Pantai Barat Selatan akan layak ke pusingan seterusnya. Manakala Tuan Rumah akan layak secara automatik.
- 9.2 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan melalui perundingan dengan Persatuan Sukan Negeri berkenaan akan menetapkan corak pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan yang akan dipertandingkan dalam **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** ini.

- 9.3 Semua jenis sukan/acara akan dikelolakan selaras dengan Peraturan Badan Kawalan Sukan Antarabangsa yang berkenaan. Jika terdapat percanggahan dari segi pentafsiran, maka pengertian sahlah akan dirujuk kepada peraturan dalam Bahasa Inggeris.
- 9.4 Semua pertandingan bagi tiap-tiap jenis sukan hendaklah selesai dipertandingkan mengikut tempoh **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** seperti yang ditetapkan **PERKARA 10.1** atau pada tempoh yang dipersetujui oleh pihak Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana.
- 9.5 Penetapan bilangan kumpulan bagi tiap-tiap jenis sukan akan dibuat mengikut amalan Persatuan Sukan Negeri atau Persekutuan Sukan Kebangsaan setelah mendapat nasihat daripada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 9.6 Bagi jenis sukan yang mengandungi acara berpasukan dan perseorangan, **hanya dua (2) orang pemain terbaik** sahaja didaftarkan mengambil bahagian dalam pertandingan perseorangan. Bagaimanapun bagi jenis-jenis sukan tertentu yang mengambil kira kombinasi mata/skor individu bagi menentu kedudukan pasukan boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing.
- 9.7 Bagaimanapun corak pertandingan masih boleh diubahsuai untuk setiap jenis sukan berdasarkan kepada keadaan-keadaan tertentu dan ini adalah tertakluk kepada kelulusan **Jawatankuasa Induk Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 9.8 Bagi acara sukan yang penyertaan tidak mematuhi pekara 4.4 dalam Peraturan Am, Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 iaitu 8 penyertaan/kontinjen **selepas Mesyuarat Pengurus - Pengurus Pasukan, acara tersebut akan terus dilaksanakan dan pingat kemenangan akan dikira dalam Jadual Pungutan Pingat Keseluruhan**.
- 9.9 Pemberian pingat kepada pasukan jemputan (sekiranya menang) akan diambil kira dan dimasukkan dalam Jadual Pungutan Pingat Keseluruhan.

10.0 TEMPOH PENGELOLAAN/JADUAL PERLAWANAN

- 10.1 **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** akan diadakan pada **tahun 2025**. Tempoh rasmi pengelolaan untuk **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** ialah selama 7 hari iaitu pada **11 hingga 17 Oktober 2025**.
- 10.2 Semua jadual perlawanan bagi semua jenis sukan termasuk tarikh, masa dan tempat akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan. Bagaimanapun bagi jenis-jenis sukan tertentu yang mengambil kira kombinasi mata/skor individu bagi menentu kedudukan pasukan boleh didaftarkan mengikut jumlah yang ditetapkan di dalam peraturan pertandingan sukan masing-masing.

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh ditangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 11.2 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.

- 11.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan menurut para 11.2 di atas, maka Jawatankuasa Teknikal bagi sukan berkenaan hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

12.0 KEMUDAHAN

- 12.1 Jawatankuasa Induk, Pengelola dan Pelaksana akan bertanggungjawab untuk menyediakan semua kemudahan yang berkaitan dengan pelaksanaan **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** seperti venue pertandingan, penginapan, makan minum, peralatan pertandingan dan pengangkutan.
- 12.2 Pakaian seragam, peralatan peserta, seperti jersey, kasut, reket, **insuran** peserta, pengangkutan pergi dan balik dan sebagainya adalah menjadi tanggungjawab kontinjen masing-masing.

13.0 GANTIRUGI

- 13.1 Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana dan Pegawai-pegawai yang dilantik oleh mereka tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kemalangan atau kecelakaan yang mungkin berlaku kepada mana-mana peserta dan pegawai semasa **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** ini berlangsung termasuk perjalanan rumah/tempat pertandingan/penginapan.

14.0 PENGURUS PERTANDINGAN DAN DELEGAT TEKNIKAL

- 14.1 Persatuan Sukan Negeri Sabah bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan hendaklah melantik dengan rasminya seorang (1) Pengurus Pertandingan daripada Persatuan Sukan Negeri Sabah yang menjadi tuan rumah. Pengurus Pertandingan adalah bertanggungjawab untuk menentukan segala persiapan teknikal dan pertandingan disediakan dan dilaksanakan mengikut Peraturan Tetap dan Peraturan Am serta panduan-panduan yang ditetapkan oleh Persatuan Sukan masing-masing dengan kerjasama Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.
- 14.2 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan melantik seorang (1) Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berunding dengan Persatuan Sukan Negeri bagi tiap-tiap jenis sukan. Tanggungjawab Ketua Delegat Teknikal ialah seperti berikut:
- 14.2.1 Mencadangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan, pegawai-pegawai teknikal dan pengadil/hakim bertauliah yang akan bertugas sepanjang kejohanan masing-masing.
- 14.2.2 Melawat dan mengesahkan tempat-tempat pertandingan supaya sesuai digunakan untuk Pertandingan **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
- 14.2.3 Menyemak dan mengesahkan jadual-jadual pertandingan yang disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan setelah berbincang dengan Persatuan Sukan Negeri masing-masing.
- 14.2.4 Menentukan semua pertandingan dijalankan mengikut peraturan dan jadual pertandingan yang telah ditetapkan.

- 14.2.5 Menentukan giliran tugas pegawai-pegawai teknikal seperti pengadil/hakim yang dilantik.
- 14.3 Ketua Delegat Teknikal hendaklah mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadil atau hakim mengenai peserta atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** dijalankan kepada Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana masing-masing untuk tindakan selanjutnya.

15.0 JURI RAYUAN TERTINGGI

- 15.1 Semasa **Sukan Sabah XI, Tawau 2025** berlangsung, tugas-tugas Majlis Sukan Negeri akan dilaksanakan oleh sebuah Juri Rayuan Tertinggi yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan Sabah. Anggota-anggota Juri Rayuan Tertinggi terdiri daripada tidak kurang daripada 5 orang dan tidak lebih dari 7 orang ahli iaitu seperti berikut :
- | | | |
|-----------|---|---|
| Pengerusi | : | Setiausaha Tetap, Kementerian Belia dan Sukan Sabah |
| Ahli-ahli | : | Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Belia dan Sukan Sabah |
| | : | Pengerusi Jawatankuasa Pengelola
(Mayor/Presiden/Pegawai Daerah) |
| | : | Pengarah Majlis Sukan Negeri Sabah |
| | : | Pengurus Besar Lembaga Sukan Sabah |
| | : | Tidak lebih daripada dua (2) orang yang difikirkan sesuai oleh
pengerusi |
- 15.2 Jawatankuasa Induk atau Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana merupakan Juri Rayuan Tertinggi yang membuat keputusan muktamad berkenaan dengan masalah-masalah berhubung dengan Kejohanan **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**. Ketua kontinjen atau wakilnya boleh mengemukakan soalan-soalan kepada juri ini.
- 15.3 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan hendaklah melantik Juri Rayuan bagi tiap-tiap jenis sukan yang dipertandingkan yang terdiri daripada Kementerian Belia dan Sukan Sabah, Majlis Sukan Negeri Sabah dan Lembaga Sukan Negeri Sabah.

16.0 RAYUAN/BANTAHAN

- 16.1 Sebarang rayuan atau bantahan mengenai sesuatu perkara boleh dibuat oleh Ketua Kontinjen/Pengurus Pasukan secara bertulis kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan dalam tempoh tidak lebih dari dua (2) jam selepas tamat sesuatu perlawanan dengan disertakan wang tunai sebanyak **RM200.00 (Ringgit Malaysia: Dua Ratus sahaja)** sebagai wang pertaruhan.
- 16.2 Sekiranya rayuan atau bantahan itu munasabah dan diterima oleh Jawatankuasa, maka wang pertaruhan itu dikembalikan dan satu keputusan akan dibuat berhubung dengan rayuan dan bantahan itu.
- 16.3 Wang Pertaruhan itu akan hilang dan menjadi pendapatan kepada **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** sekiranya rayuan atau bantahan itu didapati tidak munasabah.

17.0 HADIAH-HADIAH

17.1 Hadiah-hadiah untuk **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025** akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana seperti berikut:

17.1.1 Pingat-pingat emas, perak dan gangsa untuk pemenang-pemenang pertama, kedua dan ketiga. Butir-butir lengkap adalah seperti di dalam **para 14.3 Peraturan Tetap Sukan Sabah XI, Tawau 2025**.

18.0 KEWANGAN

18.1 Kejohanan Sukan Sabah (SAGA) adalah perbelanjaan yang ditanggung oleh Kementerian Belia dan Sukan Sabah.

18.2 Jumlah peruntukan yang diagihkan kepada setiap Jawatankuasa, Jawatankuasa Kecil dan setiap kontinjen yang bertanding perlu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Sukan Sabah.

18.3 Peruntukan hendaklah disalurkan ke dalam akaun Kontinjen/ daerah/ persatuan / kelab yang sah berdaftar setelah mendapat kebenaran secara bertulis daripada Kementerian Belia dan Sukan Sabah.

18.4 Penyata akaun dan laporan penuh perbelanjaan hendaklah disiapkan tidak lewat daripada **3 bulan** selepas tarikh akhir sukan tersebut untuk diperiksa dan dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.

19.0 SUBSIDI MENGELOLA/MENYERTAI

19.1 Kementerian Belia dan Sukan Sabah akan memberi subsidi kepada daerah untuk menyertai **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**. Jumlah subsidi akan dimaklumkan oleh Jawatankuasa Induk.

20.0 PERKARA AM

20.1 Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan berkuasa mengambil sesuatu keputusan kepada sebarang perkara yang berbangkit yang tidak tercatat dalam Peraturan Am.

20.2 Segala keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Pengelola/Pelaksana atau Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan adalah muktamad.

20.3 Sebarang keputusan yang dibuat semasa Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan bagi setiap jenis sukan adalah muktamad dan tidak boleh dibantah asalkan ia tidak bercanggah dengan Peraturan Tetap dan Peraturan Am **Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.

20.4 Segala bantahan mengenai kesahihan status peserta tidak boleh dibuat oleh mana-mana pihak setelah diterima dan disahkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

20.5 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan mempunyai kuasa mutlak memeriksa kelayakan peserta-peserta yang didaftarkan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat peserta yang tidak layak menyertai sukan ini, seperti yang tercatat di dalam Peraturan Am ini dan Peraturan Pertandingan tindakan berikut akan diambil:

-
- 20.5.1 Pembatalan dari menyertai sukan itu. Jika peserta itu mewakili pasukan, pasukan itu akan dibatalkan dan jika peserta itu mengambil bahagian di dalam acara individu, beliau akan dibatalkan. Jika pasukan/individu yang dibatalkan memenangi pingat, kemenangan tersebut akan dibatalkan.
- 20.6 Semua yang terlibat dalam Kejohanan Sukan Sabah (SAGA) mengisi Borang Pengisytiharan Percanggahan Kepentingan Kejohanan Sukan Sabah.
- 20.7 Pemenang pingat dalam Kejohanan Sukan Sabah (SAGA) tidak semestinya akan terpilih secara automatik untuk mewakili Negeri Sabah ke Temasya Sukan Malaysia (SUKMA).